



13 Februari 2020
13 February 2020
P.U. (A) 57

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN (NOTIS PENAMBAHBAIKAN) 2020

ANIMAL WELFARE (IMPROVEMENT NOTICE) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN (NOTIS PENAMBAHBAIKAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 62(2)(n) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [*Akta 772*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Notis Penambahbaikan) 2020**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “notis penambahbaikan” ertinya suatu notis penambahbaikan yang disampaikan kepada pemunya atau pemegang lesen di bawah seksyen 25 Akta.

Notis penambahbaikan

3. (1) Jika seseorang pegawai kebajikan haiwan itu berpendapat bahawa pemunya atau pemegang lesen itu tidak mematuhi seksyen 24 Akta, pegawai kebajikan haiwan itu boleh menyampaikan kepada pemunya atau pemegang lesen itu suatu notis penambahbaikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 1 Jadual.

(2) Permohonan bagi melanjutkan tempoh pematuhan yang disebut dalam subseksyen 25(4) Akta boleh dibuat oleh pemunya atau pemegang lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual.

(3) Bagi melanjutkan tempoh pematuhan yang disebut di bawah subperaturan (2), pegawai kebajikan haiwan boleh menyampaikan suatu notis sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual.

Kaedah penyampaian

4. (1) Seorang pegawai kebajikan haiwan boleh menyampaikan notis penambahbaikan di bawah peraturan 3 kepada pemunya atau pemegang lesen dengan cara yang berikut:

- (a) menyampaikan notis penambahbaikan secara kediri kepada pemunya atau pemegang lesen;
- (b) melalui pos berdaftar Akuan Terima yang dialamatkan ke alamat pemunya atau pemegang lesen yang terakhir diketahui; atau
- (c) dengan menampalkan suatu notis penambahbaikan di mana-mana bahagian yang mudah dilihat di premis pemunya atau pemegang lesen.

(2) Jika suatu notis penambahbaikan telah disampaikan dengan cara yang disebut dalam subperaturan (1), notis penambahbaikan itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada pemunya atau pemegang lesen selepas tujuh hari dari tarikh notis itu disampaikan.

JADUAL

BORANG 1

[Subperaturan 3(1)]

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN (NOTIS PENAMBAHBAIKAN) 2020

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

NOTIS PENAMBAHBAIKAN

No. Siri :

Tarikh/masa :

Kepada:

(nama pemunya/pemegang lesen)

.....

(no. kad pengenalan/no. passport pemunya/pemegang lesen)

.....

.....

.....

(alamat premis)

Nombor pendaftaran syarikat/perniagaan/badan lain (jika terpakai):

Nombor lesen (jika terpakai):

(A) Senarai ketidakpatuhan

Saya, selaku pegawai kebajikan haiwan mendapati bahawa anda sebagai pemunya atau pemegang lesen premis yang dinyatakan di atas, telah gagal untuk mematuhi kewajipan anda di bawah seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015 [*Akta 772*] seperti yang berikut:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(B) Langkah penambahbaikan

Berhubung dengan ketidakpatuhan yang dinyatakan di bawah perenggan (A), anda dikehendaki untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti yang berikut:

.....

.....

.....

.....

(C) Kesahan dan kesan ketidakpatuhan notis penambahbaikan

Notis penambahbaikan ini sah sehinggahari bulan.....,

Jika anda gagal untuk mematuhi langkah penambahbaikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (B) dalam tempoh masa yang diberikan, prosiding bagi kesalahan di bawah subseksyen 25(5) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [*Akta 772*] boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Dikeluarkan oleh:

Tandatangan:

Nama:

No. kad kuasa:

Pengakuan penerimaan bagi notis penambahbaikan yang disampaikan di bawah perenggan 4(1)(a):

Tandatangan (*penerima*):

Nama:

*No Kad Pengenalan/No. Passport:

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

BORANG 2

[Subperaturan 3(2)]

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN (NOTIS PENAMBAHBAIKAN) 2020

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

PERMOHONAN BAGI PELANJUTAN TEMPOH PEMATUHAN NOTIS PENAMBAHBAIKAN

Tarikh:

Saya..... No. Kad Pengenalan/No. Pasport.....
sebagaimana yang ditandatangani di bawah ingin memohon untuk melanjutkan tempoh
pematuhan yang dinyatakan dalam notis penambahbaikan Nombor
Siri:.....bertarikh..... atas sebab seperti di bawah:

.....
.....
.....

Tandatangan pemohon:

UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI KEBAJIKAN HAIWAN SAHAJA

PELANJUTAN TEMPOH PEMATUHAN

Tarikh/masa:

Permohonan anda untuk melanjutkan tempoh pematuhan di atas adalah *diluluskan
sehingga hari bulan , / tidak diluluskan.

Tandatangan:

Nama:

No. kad kuasa:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Dibuat 28 Januari 2020
[KP/LA/483/22; PN(PU2)746]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

ANIMAL WELFARE ACT 2015

ANIMAL WELFARE (IMPROVEMENT NOTICE) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 62(2)(n) of the Animal Welfare Act 2015 [Act 772], the Minister, after consulting the Board, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Animal Welfare (Improvement Notice) Regulations 2020**.

Interpretation

2. In these Regulations, “improvement notice” means an improvement notice served to the owner or the licensee under section 25 of the Act.

Improvement notice

3. (1) Where an animal welfare officer is of the opinion that an owner or a licensee fails to comply with section 24 of the Act, the animal welfare officer may serve on the owner or the licensee an improvement notice as specified in Form 1 of the Schedule.

(2) The application to extend the compliance period referred to in subsection 25(4) of the Act may be made by an owner or a licensee as specified in Form 2 of the Schedule.

(3) To extend the compliance period referred to under subregulation (2), the animal welfare officer may serve a notice as specified in Form 2 of the Schedule.

Methods of service

4. (1) An animal welfare officer may serve the improvement notice under regulation 3 to the owner or licensee in a manner as follows:

- (a) by delivering the improvement notice personally to the owner or licensee;
- (b) by prepaid A.R. registered post addressed to the last known address of the owner or licensee; or
- (c) by affixing the improvement notice at any conspicuous part of the premise of the owner or licensee.

(2) Where an improvement notice has been served in the manner referred to in subregulation (1), the improvement notice shall be deemed to have been served to the owner or licensee after seven days from the date the notice is served.

SCHEDULE

FORM 1

[Subregulation 3(1)]

ANIMAL WELFARE (IMPROVEMENT NOTICE) REGULATIONS 2020

ANIMAL WELFARE ACT 2015

IMPROVEMENT NOTICE

Serial no. :

Date/time :

To:

(name of owner/licensee)

.....

(identity card no./passport no. of owner/licensee)

.....

.....

.....

(premise address)

Registration number of company/ business/other bodies *(if applicable)*:

Licence number *(if applicable)*:

(A) List of non-compliance

I, as an animal welfare officer found that you as the owner or licensee of the abovementioned premise, fails to comply with your duties under section 24 of the Animal Welfare Act 2015 [Act 772] as follows:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(B) Improvement measures

In relation to the non-compliance specified under paragraph (A), you are required to take the improvement measures as follows:

.....

(C) Validity and effect of non-compliance of improvement notice

This improvement notice shall be valid until day of the month , If you fail to comply with the improvement measures as specified in paragraph (B) within the period given, proceedings for the offence under subsection 25(5) of the Animal Welfare Act 2015 [*Act 772*] may be instituted against you without further notice.

Issued by:

Signature:

Name:

Authority Card No.:

Acknowledgment of receipt of the improvement notice served under paragraph 4(1)(a):

Signature (*recipient*):

Name:

*Identity card no./Passport No.:

* Delete where not applicable

FORM 2

[Subregulation 3(2)]

ANIMAL WELFARE (IMPROVEMENT NOTICE) REGULATIONS 2020

ANIMAL WELFARE ACT 2015

APPLICATION FOR THE COMPLIANCE PERIOD EXTENSION OF IMPROVEMENT NOTICE

Date:

IIdentity Card No./Passport No..... as
sign below would like to apply for an extension of the compliance period specified the
improvement notice Serial No. dated due to reason as below:

.....
.....
.....

Signature of applicant :.....

TO BE FILL BY ANIMAL WELFARE OFFICER ONLY

EXTENSION OF THE COMPLIANCE PERIOD

Date/time:

Your above application to extend the compliance period is *approved until day
of the month, /not approved .

Signature:

Name:

Authority card no.:

* Delete where not applicable

Made 28 January 2020
[KP/LA/483/22; PN(PU2)746]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
Minister of Agriculture and Agro-Based Industry